

Berita Harian
14 August 2023



Takaful, perlindungan berasaskan nilai masa depan

Sejak bertahan lamanya, industri insurans dan takaful adalah pendorong kepada peningkatan kualiti gaya hidup selain memacu pertumbuhan ekonomi yang menjadi tempat bergantungnya generasi masa hadap.

Di Malaysia, industri takaful berkembang pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan insurans konvensional. Berdasarkan sijil takaful yang aktif berbanding jumlah populasi di Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia (MTA) meramalkan bahawa industri takaful akan terus berkembang dengan stabil setelah melihat kadar penembusan segmen takaful keluarga meningkat lebih daripada 20 peratus pada tahun lepas berbanding 18.6 peratus pada 2021.

Oleh kerana tumpuan kini yang lebih ke arah etika dan kelestarian, industri insurans dan takaful sentiasa mempertimbangkan cara lebih baik untuk memaksimumkan potensi sesuatu produk insurans dan takaful dalam menawarkan nilai perlindungan yang selari dengan nilai pelanggan kami.

Selaras aspirasi kami untuk menjadi rakan takaful seumur hidup kepada pelanggan, Sun Life Malaysia melihat potensi perlindungan takaful yang besar dalam mempromosikan tatacara kewangan dan pembangunan sosioekonomi seimbang.

**RAYMOND
LEW**

Ketua Pengawai
Eksekutif & Presiden/
Ketua Pengawai Negara,
Sun Life Malaysia



PANDANGAN

**Sun Life**

Menyatukan perlindungan kewangan dan prinsip agama

Takaful bukan sekadar insurans biasa - ia adalah instrumen kewangan patuh syariah yang menjamin keselamatan kewangan jangka panjang yang selari dengan prinsip agama. Sepanjang sedekad yang lalu, kami sudah membantu pelanggan memenuhi kewajipan agama seperti zakat, haji, dan fidyah melalui pelbagai produk takaful inovatif.

Contohnya, pelan penyakit kritis multigenerasi yang memenangi anugerah, Prime Family Critical Care-i, menggabungkan perlindungan penyakit kritis dalam satu pelan tunggal untuk melindungi ibu bapa, pasangan, dan anak sambil membantu individu yang dilindungi mencapai

matlamat dalam urusan agama.

Perjuangan kesamarataan dan keadilan

Takaful kini bukan sekadar menjadi perlindungan kepada kewangan, tetapi cermin kepada semangat kesamarataan dan keadilan yang kita perjuang. Takaful adalah skim yang berasaskan konsep Islam kerjasama (Ta'awun) melalui derma (Tabarru') di mana ia memupuk semangat saling bantu-membantu dalam komuniti kita.

Penerapan konsep ini menyemarakkan semangat kerjasama, memastikan tiada yang berhadapan dengan beban kewangan secara sendirian. Justeru, membentuk asas komitmen takaful dalam menjamin keselamatan kewangan dan perlindungan ke sejahteraan sosial.

Kami di Sun Life Malaysia menjadi penyokong kepada inisiatif industri, 'Rangka Kerja Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful' (VBIT).

VBIT sudah mengubah cara kami merancang produk takaful kami kepada memberi penekanan kepada memberi impak kepada pernilaagaan, masyarakat sekeliling dan komuniti secara lebih meluas, pada masa sama, mematuhi objektif syariah (Maqasid Shariah).

Sebagai contoh, produk Takaful Mulia kami yang memboleh-

kan pelanggan berwaqaf secara berkala, di mana hampir RM300,000 sudah disalurkan kepada Yaysasan Waqaf Malaysia yang menyokong pelbagai program komuniti dan kelestarian serta memberi manfaat kepada golongan masyarakat memerlukan bantuan.

Produk Takaful Suria kami juga membantu pelanggan Muslim memenuhi kewajipan haji mereka melalui rakan kongsi kami. Kami sudah menjalankan Badal Haji untuk lebih daripada 100 pelanggan selepas kematian atau terjadinya kecacatan kekal kepada pencarum.

Memperkasakan pelaburan beretika

Takaful menepati prinsip syariah dan hanya melabur dalam industri yang mempertimbangkan isu sosial dan mesra alam sekitar. Ini bermakna pelanggan kami, sama ada Muslim atau bukan Muslim boleh melakukan pilihan pelaburan yang lebih beretika.

Pada 2022, kami mengambil langkah baharu dengan memperkenalkan Dana Global Islamik Sun Life Malaysia, dana industri syariah pertama dalam industri pelaburan yang patuh ketetapan Persekutuan, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Ia membolehkan pelanggan kami memperluaskan nilai harta mereka dan pada ma-

sa sama, teguh kepada iman serta kepercayaan agama.

Saya yakin bahawa perlindungan masa depan berdasarkan nilai akan ditentukan inti pati takaful-bersatu, berkasih sayang dan komitmen yang utuh untuk membina dunia lebih baik bersama-sama.

Menurut Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, Malaysia adalah pasaran takaful ketiga terbesar di seluruh dunia dengan ekosistem kewangan Islam yang kuat, termasuk bank Islam, syarikat korporat patuh syariah, dana Islamik, dan industri halal yang memerlukan produk takaful.

Kami turut menjangkakan bahawa sektor takaful akan terus berkembang dengan baik pada 2023 didorong kadar penetrasi lebih baik, model perniagaan dan kemampuan teknologi yang seiring dengan kesedaran takaful lebih tinggi, inovasi digital serta inisiatif daripada kerajaan.

Saya menyeru untuk kita bersama-sama meneraju proses transformasi demi masa depan yang lebih cerah dan manpan.

Untuk mempelajari lebih lanjut mengenai bagaimana takaful memperjuangkan perlindungan berdasarkan nilai, sila layari www.sunlifemalaysia.com.

Sun Life Malaysia ialah pembekal insurans dan takaful.